

PERSATUAN PEGAWAI PERANCANG  
BANDAR DAN DESA MALAYSIA  
(PERSADA)

# Minit Mesyuarat AGM PERSADA kali ke 23

26 Mac 2018, Kelab Shah Alam



# **MINIT MESYUARAT AGUNG PERSATUAN PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA MALAYSIA (PERSADA) KALI KE 23**

***(ADALAH JELAS TANPA PREJUDIS, MESYUARAT AGUNG PERSADA TELAH DIJALANKAN DI BAWAH  
PERUNTUKKAN FASAL 9, PERLEMBAGAAN PERSADA)***

Tarikh : 26 Mac 2018 (Isnin)  
Masa : 11.00 pagi  
Tempat : Kelab Shah Alam, Shah Alam, Selangor  
Perasmian : YBrs. TPr Hajah Rokibah Binti Abdul Latif,  
Ketua Pengarah PLANMalaysia  
merangkap Penaung PERSADA  
Pengerusi : Puan Rozita Binti Hamit, PRESIDEN PERSADA

## **KEHADIRAN :**

1. YBrs. TPr Hajah Rokibah Binti Abdul Latif
2. Puan Rozita Binti Hamit - Pengerusi
3. TPr Mohd Zainuddin Bin Jumaat - Setiausaha
4. YBrs. Puan Hajjah Kamariah Binti Ibrahim
5. Encik Rozaihan Bin Daud
6. Puan Mastura Binti Zuber
7. Puan Salasiah Binti Md Tabi
8. Puan Haibernarisal Binti Bajuri
9. Encik Mohd Naim Bin Ali
10. TPr Hj Azman Bin Talib
11. TPr Khairon Zairee Bin Basiron
12. Puan Nur Safuraa Binti Mohamed Salib
13. Tuan Hj Mustaffa Kamal Bin Mohd Ali
14. Tuan Hj Mohd Faidzal Bin Hamzah
15. Encik Kamaruzaman Bin Ibrahim
16. Encik Muhammad Ziqrie Bin Jamil
17. Encik Khairu Nizam Bin Hamran
18. Encik Norhisyam Bin Mohamad @Samad
19. Encik Mohammad Azan Bin Mohamed Shukor

20. Puan Asmahan Binti Abdullah
21. Encik Mohd Syamsul Arief Bin Dato' Mahbud
22. Encik Abdul Rasyid Bin Zainal
23. TPr Dr Alias Bin Rameli
24. Encik Talip Bin Abd Rahman
25. Puan Nursuraya Nong
26. Encik Qua Jen Min
27. Dr Mohd Rizal Bin Osman
28. Encik Mohd Izhanizam Bin Ab. Ghani
29. Puan Nik Noraisu Binti Nik Ibrahim
30. Encik Mohd Khaizal Bin Maa'rip
31. Encik Khairil Bin Khalid
32. Puan Nur Amilin Binti Mohd Khazani
33. Puan Nur Suhada Binti Azemi
34. Encik Rizal Bin Shamsuddin
35. Puan Maizura Binti Madzalan
36. Puan Lilian Tai Yee Chi
37. Encik Kamarulzaman Bin Abd Rahman
38. Puan Nordiana Binti Roslan
39. Puan Maizatul Munirah Binti Abd Rahman
40. Encik Muhd Haziq Bin Redzwan
41. Syed Muhamad Iqbal Shah Bin Syed Ashhar Ali
42. Puan Sarina Binti Saad
43. Puan Aziaton Binti Shuib
44. Encik Mohd Hazrin Bin Hamzah
45. Encik Fakhrul Hafriz Bin Suhaimi
46. Encik Muhammad Azlan Bin Mohamed Shukor
47. Encik Saifuddin Bin Marsuk
48. Encik Hasyim Bin Ahmad
49. YBhg. Datin Mimi Zareena Binti Md Nor
50. Encik Muhammad Anwar Bin Ramli
51. Encik Muhammad Rosdi Bin Abdullah

52. Encik Muhd Harith Bin Ismail
53. Encik Shahrizan Bin Ab Razak
54. TPr Fadzli Bin Zubi
55. TPr Gs Mohd Ali Bin Abu Bakar
56. TPr Wand Andery Bin Wan Mahmood
57. Encik Anwar Bin M.Jalani
58. Encik Badrul Bin Rahim
59. Encik Mohamad Faisal Jamaludin
60. TPr Hj Hassan Bin Yaakob
61. Encik Muhamad Aizuddin Bin Safiaai
62. Puan Rohana Binti Mohd Nor
63. Puan Rosmizawati Binti Mohamed Salleh
64. Encik Khairul Nizam Bin Othman
65. Encik Muhd. Mui'zzuddin Bin Selamat
66. Encik Zulazhar Bin Abd Ghani
67. Puan Noor Amani Jamaludin
68. Puan Harizah Binti Dato' Hassan
69. Puan Norazmin Binti Adibah Othman
70. Puan Nor Hashida Binti Harun
71. Puan Norhayati Binti Abu Bakar

**1.0 UCAPAN PERASMIAN OLEH YBRs. TPr HAJAH ROKIBAH BINTI ABDUL LATIF, KETUA  
PENGARAH PLANMalaysia, KPKT MERANGKAP PENAUNG PERSADA**

- 1.1 YBrS. TPr Hajah mengucapkan terima kasih kepada Presiden dan AJK PERSADA yang sudi menjemput beliau selaku Penaung PERSADA untuk hadir ke program PERSADA CityTALK 2018 yang bertajuk ASPIRASI 2050: SIHAT DAN HEBAT dan seterusnya merasmikan Mesyuarat Agung PERSADA kali yang ke 23.
- 1.2 Beliau turut menerangkan secara ringkas berkaitan penubuhan PERSADA yang bermula pada tahun 1991 dan kini telah menjangkau usia 27 tahun. 27 tahun adalah gambaran satu tempoh usia muda dan bertenaga. Sejak penubuhannya sehingga kini, PERSADA sentiasa memainkan peranan yang penting untuk menjaga

kepentingan dan kebajikan ahli-ahli yang terdiri daripada pegawai perancang bandar dan desa sektor awam yang meliputi pegawai-pegawai di peringkat persekutuan, negeri dan PBT serta pegawai-pegawai perancang bandar dan desa yang berkhidmat di badan-badan berkanun.

- 1.3 Beliau berharap PERSADA dapat berperanan untuk mengukuhkan ikatan ukhuwah dan silaturrahim di kalangan ahli melalui pelbagai aktiviti yang dijalankan serta menjadi penggerak ke arah meningkatkan tahap profesionalisme dan sumbangan profesyen pegawai perancang bandar dan desa, dalam pembangunan negara, khususnya bagi melahirkan pembangunan bandar dan komuniti yang mampan dan sejahtera. Selain itu, kerjasama serta usaha secara bersama, bersepadu dan kolektif antara semua pihak yang terlibat dalam profesyen Perancang Bandar iaitu PLANMalaysia, PERSADA, MIP dan Lembaga Perancang Bandar (LPBM) dapat digembeling dengan lebih berkesan di masa akan datang.
- 1.4 Beliau menyatakan sentiasa meneliti dan memerhati perjalanan aktiviti dan program PERSADA. Pada 7-13 Februari 2018 yang lalu, KPKT dan seluruh agensi Kementerian termasuk PLANMalaysia telah terlibat secara langsung menjayakan program World Urban Forum (WUF9) dengan tema Cities 2030, the Cities for All. Beliau juga mengambil kesempatan merakamkan ucapan tahniah kepada pihak Urbanice Malaysia dan seluruh kakitangan yang bersama-sama menjayakan World Urban Run 2018. Beliau juga menyatakan, pihak pengurusan KPKT juga sangat berbangga dengan penganjuran WUF 9 ini yang telah dilaksanakan oleh pihak Urbanice Malaysia sendiri tanpa ada menggunakan 'event management'. Ini menunjukkan kemampuan kakitangan dalaman dalam menguruskan majlis bertaraf dunia dengan jayanya.
- 1.5 Dengan itu, beliau menyarankan agar pihak PERSADA boleh mengambil peluang ini untuk mengadakan sesi perkongsian pengalaman bagaimana menguruskan majlis bertaraf dunia ini oleh pihak Urbanice Malaysia. Pengalaman ini sangat penting untuk dijadikan contoh dan 'benchmarking' sekiranya terdapat penganjuran majlis lain bertaraf antarabangsa selepas ini. Dengan kehadiran melebihi 22,000 peserta

dari 165 negara, program ini telah diadakan dengan jayanya dan telah mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa.

- 1.6 Beliau juga mencadangkan agar pihak PERSADA dapat menyertai dengan menghantar sepasukan pegawai mewakili PERSADA semasa *World Urban Forum* ke 10 di Abu Dhabi pada 2020. Bagi mengurangkan kos PERSADA, beliau mencadangkan agar diadakan satu 'Tabung WUF 10 Abu Dhabi' bagi yang berminat untuk menyertainya. Dengan adanya tabung ini, sehingga tahun 2020, sekurang-kurangnya telah ada dana yang dikumpul bersama untuk menghantar delegasi mewakili PERSADA tanpa melibatkan dana dari PERSADA yang pasti membebankan kewangan PERSADA. PERSADA juga digalakkan untuk menyertai 'side event' atau mengadakan kunjungan hormat dengan mana-mana institusi perancang bandar semasa di Abu Dhabi untuk berkongsi pengalaman dan mengembang luas peranan PERSADA di peringkat lebih tinggi.
- 1.7 Beliau juga turut merakamkan ucapan tahniah kepada semua yang terlibat khususnya kepada Presiden dan AJK PERSADA yang telah menjayakan program World Urban Run (WUR) pada 11 Feb 2018 dengan penglibatan peserta melebihi 10,000 peserta termasuk Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah, Raja Muda Selangor. Kejayaan besar pengajuran WUR oleh PERSADA ini sesungguhnya sesuatu yang sangat dibanggakan. Pasti pengalaman ini dapat memberikan sumber inspirasi kepada PERSADA untuk menerokai pengalaman baru dalam penganjuran acara di masa akan datang.
- 1.8 Beliau juga turut menyatakan amat berpuas hati apabila PERSADA menganjurkan Menyuarat Agung Khas (EGM) secara serentak dengan dua (2) program lain yang amat menarik iaitu CityTalk serta yang penting program PERSADA Berhari raya yang telah berjaya mengumpulkan agak ramai ahli-ahli yang telah bersara. Beliau juga menyatakan, program yang dijalankan ini lebih santai tetapi dapat memberi impak yang baik apabila dapat menghubungkan kembali ahli yang telah bersara. Platform seperti ini perlu diteruskan supaya selain daripada berhubung, kita mungkin dapat

menggunakan kepakaran ahli-ahli kita yang telah bersara yang sarat dengan ilmu dan pengalaman ini.

- 1.9 Beliau merakamkan ucapan **tahniah** sekali lagi kepada seluruh barisan kepimpinan PERSADA di atas program-program yang telah dijalankan sepanjang tahun 2017 dan 2018. Walau bagaimanapun bagi tahun yang mendatang, beliau mengharapkan PERSADA akan terus mengorak langkah ke hadapan bagi menjayakan lebih banyak aktiviti kepada semua ahli dan melibatkan pelbagai pihak yang berkepentingan di dalam profesyen perancang bandar secara langsung atau tidak langsung.
- 1.10 Beliau juga turut memaklumkan beberapa program dan inisiatif oleh PLANMalaysia dan perkembangan semasa agenda pembangunan di Malaysia dan di peringkat global yang dirasakan amat penting dan berkait dengan masa depan skim perancangan bandar dan desa dan profesyen sebagai pegawai perancang bandar dan desa.
- 1.11 Pertamanya berkaitan dengan keperluan SIA di bawah Pindaan Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2017 [Akta A1522] yang melibatkan dua (2) pindaan iaitu :
  - 1.11.1 keperluan SIA bagi projek yang dikemukakan kepada Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) untuk mendapatkan nasihat iaitu cadangan pemajuan penebusgunaan pinggir laut dan pembinaan infrastruktur utama Negara; dan
  - 1.11.2 pemantapan kandungan laporan cadangan pemajuan dengan memasukkan elemen SIA.

Akta ini telah dibentangkan dan diluluskan di Dewan Rakyat pada 20 Oktober 2016 dan Dewan Negara pada 15 Disember 2016. Akta A1522 ini juga telah mendapat Perkenan Diraja pada 9 Januari 2017 dan diwartakan sebagai Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2017 [Akta A1522] pada 16 Januari 2017.

- 1.12 Perkara kedua adalah berkaitan dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-11 (yang kini telah memasuki fasa pertengahan pelaksanaan) yang sangat berkait rapat dengan peranan dan tugas pegawai perancang bandar dan desa. Merujuk kepada Teras Strategik kedua (iaitu Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat) yang digariskan di dalam dokumen RMKe-11, semua pegawai perancang bandar dan desa perlu sentiasa ingat bahawa fokus utama perancangan yang dibuat perlu ada *touch-point* kepada usaha-usaha mensejahterakan rakyat, selaras dengan konsep 'pertumbuhan berpaksikan rakyat'.
- 1.13 Selain itu, pegawai perancang bandar dan desa juga perlu peka dan sentiasa menghayati isi kandungan lain berkaitan perancangan dan pembangunan bandar yang digariskan di dalam RMke-11 seperti inisiatif ke arah mencapai bandar berdaya saing sebagai pemacu perubahan, pengukuhan pembangunan koridor ekonomi wilayah, pengukuhan rendah karbon (low carbon) dan bandar pintar (smart city) serta aspek-aspek lain berkaitan inklusiviti dan pertumbuhan hijau.
- 1.14 Perkara ketiga adalah menyentuh inisiatif global berkaitan *Sustainable Development Goals 2030 (SDG's)* dan *New Urban Agenda 2016 (NUA)* didalam perancangan dan pembangunan bandar di negara kita selaras dengan Deklarasi World Urban Forum 9 yang lalu. Agenda Perbandaran Baharu merupakan satu pelan tindakan yang akan menentukan standard pencapaian antarabangsa dalam pembangunan bandar mampan di samping menentukan semula cara kita membangun, mengurus dan menjalankan kehidupan di bandar melalui kerjasama dengan rakan kongsi yang telah dikenalpasti, pihak-pihak berkepentingan dan mereka-mereka yang berperanan di semua peringkat kerajaan dan juga sektor swasta.
- 1.15 Beliau turut menekankan berkaitan **Dokumen Agenda Perbandaran Baharu** menyentuh isu-isu berkaitan perancangan dan pembangunan perbandaran yang meliputi lima (5) aspek utama seperti berikut:
- 1.15.1 Dasar Perbandaran Negara;
  - 1.15.2 Perundangan dan Peraturan Perbandaran;



1.15.3 Rekabentuk dan Perancangan Perbandaran;

1.15.4 Sistem Kewangan Majlis Perbandaran dan Ekonomi Bandar; dan

1.15.5 Perancangan Perluasan Bandar/Perancangan Pembangunan Semula Bandar.

Sebagai perancang bandar, Agenda Perbandaran Baharu ini perlu dijadikan sebagai wawasan kolektif dan komitmen berterusan untuk menggalakkan dan merealisasikan pembangunan bandar yang mampan dalam dunia yang semakin moden.

1.16 Beliau juga turut sama mempromosi agenda **Transformasi Nasional 2050 (TN50)** yang akan memeta hala tuju negara dalam tempoh 32 tahun yang akan datang. Ke arah TN50, kita semua perlu lebih 'anticipate' dalam mencorakkan pembangunan spatial negara supaya ia selari dengan kehendak dan aspirasi rakyat pada masa itu.

1.17 Senario pertambahan penduduk bandar yang berterusan meningkat, kekurangan tanah untuk perumahan dan harga tanah yang semakin mahal di kawasan bandar adalah merupakan antara isu yang perlu ditangani oleh profesion perancangan bandar. Untuk itu, kita perlu sentiasa memastikan peranan dan tugas kita sentiasa relevan dan selari dengan arus perdana negara.

1.18 Beliau turut menyeru semoga semua ahli PERSADA terus berusaha, bekerjasama dan meningkatkan komitmen bagi mengukuhkan skim dan profesyen perancang bandar secara terbaik dan unggul supaya kita dapat terus memberi sumbangan kepada pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.

1.19 Sekali lagi, beliau mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada presiden dan barisan jawatankuasa PERSADA Sesi 2017-2018 yang telah berjaya menjalankan amanah dan melaksanakan mandat yang diberikan oleh ahli-ahli. Walaupun semua maklum bahawa terdapat beberapa kekangan dari sudut kewangan, lokasi ahli dan AJK yang berjauhan serta 'expectation' ahli yang pelbagai, namun beliau yakin PERSADA boleh secara berterusan menambah baik program dan aktiviti pada masa-masa yang akan datang.

- 1.20 Beliau juga turut menyatakan, selaku Ketua Pengarah PLANMalaysia, beliau akan sentiasa memastikan PLANMalaysia memberi sokongan padu bagi menjayakan semua program-program yang dianjurkan oleh PERSADA di masa akan datang.

## **2.0 PENGESAHAN MENERUSKAN MESYUARAT AGUNG PERSADA KALI KE 23 MENGIKUT PERUNTUKAN PERLEMBAGAAN PERSADA OLEH TUAN SETIAUSAHA KEHORMAT PERSADA**

- 2.1 Sebelum memulakan pengesahan meneruskan mesyuarat, Tuan Setiausaha merakamkan ucapan takziah kepada dua (2) orang ahli PERSADA yang telah meninggal dunia iaitu YM Raja Shamsul Nizam Bin Raja Abdullah dan Puan Roslina Binti Ab. Razak.
- 2.2 Tuan Setiausaha memaklumkan mengikut Fasal 9 (1), Korum Mesyuarat Agung PERSADA perlulah sekurang-kurangnya  $\frac{1}{2}$  daripada jumlah keseluruhan ahli ATAU dua (2) kali ganda dari bilangan AJK PERSADA (melebihi 34 orang), mana yang kurang.
- 2.3 Bagi meneruskan mesyuarat, berdasarkan jumlah dan rekod kehadiran adalah seramai 71 orang, di mana melebihi dari dua (2) kali ganda bilangan AJK PERSADA. Tuan Setiausaha memaklumkan, mesyuarat diteruskan kerana mematuhi Fasal 9(1) dan tanpa sebarang bantahan ahli yang hadir.

## **3.0 UCAPAN DASAR PUAN ROZITA BINTI HAMIT SELAKU PRESIDEN PERSADA**

- 3.1 Beliau menyampaikan ucapan terima kasih yang tidak terhingga atas keprihatinan YBrs. Ketua Pengarah PLANMalaysia merangkap Penaung PERSADA, Timbalan-timbalan Ketua Pengarah PLANMalaysia dan semua ahli yang hadir Mesyuarat Agung Tahunan PERSADA pada kali ini. Beliau turut menegaskan, tahun 2018 merupakan tahun kedua bagi Ahli Jawatankuasa PERSADA bagi penggal 2017/2019 akan terus memperjuangkan dan memenuhi aspirasi matlamat penubuhan PERSADA.

- 3.2 Beliau turut mengimbas kembali, semasa perutusan awal beliau selepas beliau dipilih untuk menduduki kerusi Presiden PERSADA, beliau telah menggariskan beberapa agenda yang ingin direalisasikan dalam tempoh pelantikan itu. Antara lain ialah berhasrat untuk memperkukuh ikatan dan perhubungan di kalangan semua ahli bagi menjadikan PERSADA lebih disegani. Ke arah ini, antara tindakan awal yang telah diambil ialah berusaha memastikan semua Pegawai Perancang Bandar Awam berdaftar untuk menjadi ahli PERSADA. PERSADA telah memastikan semua PPBD yang baru dilantik telah menjadi ahli PERSADA. PERSADA juga telah cuba memelihara hubungan dengan ahli-ahli yang telah bersara kerana pesara-pesara ini masih ada terlalu banyak ilmu dan pengalaman yang boleh dikongsi.
- 3.3 Beliau juga berhasrat agar PERSADA bukan sahaja dilihat sebagai pertubuhan sosial semata-mata, tetapi memainkan peranan dalam memastikan profesion Jururancang Bandar merupakan profesion yang penting dalam pembangunan negara. Sehubungan itu jalinan secara kolaborasi dengan pelbagai agensi dan pertubuhan dalam menjalankan pelbagai aktiviti yang dirancang amatlah penting.
- 3.4 Beliau juga turut menyatakan, dalam tempoh 12 bulan ini tidak banyak tindakan-tindakan strategik yang dapat dijalankan. Sepanjang tempoh 12 bulan ini AJK Sesi 2017/19 hanya dapat menjalankan beberapa aktiviti yang sama dijalankan seperti tahun-tahun yang lepas seperti memberi sumbangan kelahiran, kematian dan anak-anak cemerlang. Beliau berharap PERSADA akan dapat bergerak dengan lebih cergas dalam tempoh 12 bulan yang akan datang ini.
- 3.5 Beliau menyatakan, dicelah-celah kesibukan tuntutan kerja hakiki, sepanjang 2017 PERSADA berjaya juga menjalankan beberapa aktiviti bagi manfaat seluruh ahli PERSADA. Selari dengan agenda untuk merapatkan hubungan silaturrahim antara ahli dan memperkukuh barisan, PERSADA bermula dengan mengadakan Mesyuarat Agung Khas (EGM) yang telah diadakan di Kota Seriemas Golf and Country Club. EGM ini bertujuan untuk membentangkan dua (2) usul penting iaitu pindaan perlembagaan dan cadangan projek pelaburan hartanah PERSADA. EGM itu terlebih dahulu telah dipanaskan dengan Ceramah Motivasi oleh Tuan Syamsul Debat yang

bertajuk Perancang Bandar: Khalifah di Bumi Allah. EGM itu diakhiri dengan Majlis PERSADA Reunion Berhari Raya yang bertujuan untuk menjalinkan semula hubungan dengan ahli-ahli yang telah bersara bersempena sambutan hari raya aidilfitri 2017.

- 3.6 Bersempena sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia (HPBS) 2017, PERSADA telah dijemput untuk turut terlibat dengan menganjurkan Aktiviti Sukan Rakyat sebagai salah satu aturcara sambutan di Puteri Harbour, Kota Iskandar, Johor pada 10-11 November yang lalu. Antara aktiviti sukan rakyat yang telah aturkan ialah baling tin, galah panjang, dam aji, batu seremban, bola beracun dan konda kondi.
- 3.7 PERSADA turut meneruskan kempen menambah keahlian kepada pegawai-pegawai lantikan baharu. Beliau turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan yang telah memberikan satu slot dalam program suaikenal pegawai baharu untuk memberi taklimat berkaitan PERSADA kepada pegawai lantikan baharu. Hasilnya 33 orang ahli baharu telah berjaya didaftarkan.
- 3.8 Beliau juga menegaskan, sesebuah persatuan akan dapat bergerak aktif jika ia mempunyai sumber kewangan yang kukuh. Antara tindakan awal yang telah PERSADA lakukan ialah untuk menyemak jumlah yuran tertunggak yang telah terkumpul bermula tahun 2013 sehingga 2017. Hasil semakan tersebut memang amat mendukacitkan kerana terdapat sejumlah lebih RM50,000.00 yuran tertunggak yang gagal dilunaskan oleh ahli-ahli. Tetapi yang lebih mendukacitakan ialah bila barisan AJK PERSADA diajukan dengan soalan kenapa ahli perlu bayar yuran, apa yang ahli dapat, apa yang persatuan dah bagi pada ahli dan macam-macam soalan yang begitu meruntun hati AJK PERSADA. Beliau telah menjangkakan persoalan ini, sebab itu dalam perutusan beliau itu terlebih awal telah mengingatkan ahli supaya JANGAN TANYA APA YANG PERSATUAN BAGI KEPADA KITA TETAPI TANYALAH APA SUMBANGAN KITA KEPADA PERSATUAN. Hasil dari kerja keras tanpa mengenal jemu dan putus asa AJK PERSADA, walaupun diajukan dengan soalan-soalan yang memang tiada jawapan. Alhamdulillah PERSADA telah berjaya mengutip kembali hampir RM5,000.00 yuran yang tertunggak tersebut.

Jumlah ini hanya 10% daripada jumlah yang tertunggak itu walaupun sasaran awal untuk mengutip 50% dari jumlah yuran tertunggak.

- 3.9 Beliau turut mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua ahli PERSADA baru dan juga ribuan terima kasih kepada ahli-ahli yang telah pun melunaskan yuran tunggakan yang hanya dikira semula bermula tahun 2013. Beliau juga ingin menyeru sekali lagi di sini untuk bersama-sama mulai hari ini memikirkan APA YANG KITA BOLEH SUMBANGKAN KEPADA PERSATUAN.
- 3.10 Seterusnya, permulaan bagi tahun 2018 pula, bertitik tolak sempena penganjuran World Urban Forum- ke 9, di Kuala Lumpur pada 7hb hingga 13hb Februari 2018, PERSADA telah diberi peluang oleh Urbanice Malaysia (UM) untuk turut terlibat dengan menjadi penganjur Kuala Lumpur World Urban Run 2018. Dengan sokongan padu Penaung PERSADA dan juga CEO WUF9, kerja-kerja belakang tabir telah pun dimulakan pada September 2017 dengan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai bersama MAQNA Momento Ventures selaku Event Manager pada 6hb Oktober 2017. KL WUR 2018 telah berjaya dianjurkan pada 11 Februari 2018 dengan penyertaan lebih 10,700 peserta termasuk DYTM Tengku Amir Shah, Raja Muda Selangor. Sambutan yang hebat ini juga telah berjaya menarik minat YBM KPKT Y.Bhg. Tan Sri Noh Bin Hj Omar untuk turut sama mengambil bahagian. Beliau menyatakan program ini merupakan program yang paling besar yang sangat berjaya pernah PERSADA anjurkan. Beliau juga ingin merakamkan ucapan setinggi penghargaan kepada Timbalan Presiden 1 iaitu TPr Wan Andery Bin Wan Mahmood kerana sebahagian besar daripada kerja penganjuran ini dijalankan sendiri oleh beliau tanpa mengganggu AJK lain.
- 3.11 Beliau juga turut merakamkan ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua barisan AJK PERSADA dan semua Sukarelawan PERSADA sepanjang gerak kerja promosi mendapatkan peserta dan promosi Kuala Lumpur World Urban Run (KL WUR) 2018.

3.12 Beliau juga menegaskan, perjuangan PERSADA harus diteruskan, perancangan PERSADA pada tahun ini seperti Pogram CityTalk PERSADA, perkongsian ilmu bersama bakal-bakal Perancang Bandar di Institut Pengajian Tinggi Awam, kebajikan ahli-ahli, lawatan teknikal dan seminar luar negara diharapkan dapat direalisasikan bagi mengembangkan lagi profesion Perancang Bandar.

3.13 Akhir kata, beliau menyeru sekali lagi kepada semua ahli agar terus berusaha bersama-sama PERSADA dalam memartabatkan profesion Pegawai Perancang Bandar dan Desa.

#### **4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERSADA KALI KE 22 DAN PEMBENTANGAN MAKLUMBALAS**

4.1 TPr Wan Andery Bin Wan Mahmood telah mencadangkan minit mesyuarat agung PERSADA kali ke 22 ini disahkan dan telah disokong oleh Tn Hj Faidzal Bin Hamzah.

4.2 Tuan Setiausaha memaklumkan bagi maklumbalas di perkara 7.1 berkaitan cadangan usul 1 iaitu Pegawai Perancang Bandar yang menjadi ahli PERSADA dan telah mendapat Ahli Korporat MIP tidak perlu masa menunggu selama setahun untuk menjadi Ahli Perancang Bandar Berdaftar dalam Senarai A, perkara ini tidak dapat dilaksanakan kerana tempoh tersebut selaras dengan keperluan minima yang perlu ditetapkan bagi memastikan setiap Perancang Bandar benar-benar bersedia dan mempunyai pengalaman praktis yang mencukupi.

4.3 Bagi usul 2, adalah berkait rapat dengan minit EGM PERSADA Bil.1/2017 yang akan dirujuk secara bersama.

## **5.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT EGM PERSADA BIL.1/2017 DAN PEMBENTANGAN MAKLUMBALAS**

- 5.1 Tuan Setiausaha memaklumkan, sekiranya terdapat kesilapan ejaan nama dan senarai kehadiran yang tidak tepat, bolehlah dimaklumkan.
- 5.2 Puan Hajjah Kamariah Binti Ibrahim memaklumkan nama beliau perlu dimasukkan di dalam senarai kehadiran.
- 5.3 Encik Hazrin Bin Hamzah telah mencadangkan minit mesyuarat EGM PERSADA Bil.1/2017 ini disahkan dengan pindaan dan telah disokong oleh Puan Nik Noraisu Binti Nik Ibrahim.
- 5.4 **Perbincangan Maklumbalas Cadangan Pelaburan Hartanah** : Tuan Setiausaha memaklumkan bagi maklumbalas berkaitan cadangan pelaburan dalam bidang hartanah. Perkara ini telahpun dipersetujui di mesyuarat EGM PERSADA Bil.1/2017 dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan di para 3.7 (seperti di dalam minit EGM PERSADA asal). Namun demikian, setelah penelitian terhadap dua (2) cadangan pelaburan tersebut di buat oleh pihak AJK PERSADA di dalam beberapa siri mesyuaratnya, adalah didapati cadangan tersebut tidak dapat memenuhi syarat di para 3.7 seperti yang dimaksudkan, tambahan pula dengan keupayaan kewangan PERSADA yang agak tidak mengizinkan serta pelaksanaan program World Urban Run 2018 yang memerlukan komitmen perbelanjaan yang agak besar, maka pihak AJK PERSADA merasakan, cadangan pelaburan ini perlu ditangguhkan dan usaha-usaha memperkukuhkan kewangan PERSADA perlu dilaksanakan terlebih dahulu.
- 5.5 Puan Presiden juga turut menambah, penelitian telah pun dibuat oleh pihak AJK PERSADA sebagaimana persetujuan EGM PERSADA Bil.1/2017, dengan mengambilkira beberapa faktor dari aspek kewangan semasa dan kadar sewaan sebulan, adalah didapati kertas cadangan pelaburan tersebut tidak dapat memenuhi kehendak para 3.7 tersebut.

- 5.6 Encik Anwar Bin Ramli turut menyatakan PERSADA perlu lihat kembali tujuan asal penubuhan PERSADA iaitu antaranya menjaga kebajikan ahli dan meningkatkan profesion perancang bandar dalam sektor awam. Adalah baik, sekiranya PERSADA memberikan tumpuan kepada peningkatan program ‘pembangunan modal insan’ untuk pembangunan sendiri dan mengemaskini ilmu dalam pelbagai program yang boleh dijalankan.
- 5.7 Cadangan pelaburan dalam hartanah ini akan diteruskan sebagaimana persetujuan EGM PERSADA sebelum ini dan akan diteliti dahulu oleh pihak AJK PERSADA.
- 5.8 **Perbincangan Maklumbalas Persetujuan Pendaftar Ros Terhadap Pindaan Pelembagaan Persada** : Tuan Setiausaha menyatakan, Pendaftar Pertubuhan, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) di bawah kuasanya, telah mempertimbang dan memberi KELULUSAN kepada pindaan Perlembagaan PERSADA sebagaimana perkara ini telah dipersetujui dan diputuskan bersama ahli-ahli PERSADA semasa di Mesyuarat Agung Khas (EGM) Bil.1/2017 pada 17hb. Julai 2017 yang jelas maksudnya.
- 5.9 Tn. Hj. Faidzal Bin Hamzah telah mencadangkan agar keaahlian seumur hidup ini dilihat semula kerana sekiranya semua ahli menjadi ahli seumur hidup dengan bayaran secara ‘one off’ RM300, ini akan menyebabkan keupayaan tabungan kewangan PERSADA akan berada dalam keadaan lemah berikutan sumbangan ahli hanya secara ‘one off’ sahaja.
- 5.10 Tuan Setiausaha memaklumkan, perkara ini harus dilihat secara positif, ini adalah permulaan untuk mengalakkan ahli membayar dan bertanggungjawab untuk memastikan bayaran mengikut kadar ditetapkan secara konsisten. Walaupun sebelum ini ahli seumur hidup dibuat secara pentadbiran dan digalakkan, tetapi berdasarkan rekod yang ditunjukkan ahli yang mendaftar seumur hidup kurang dari 5%. Ahli masih lagi merasakan ‘berat’ untuk membayar RM300 walaupun dalam kaedah ‘one off’ seumur hidup. Malahan yuran tertunggak terus meningkat dan mencecah RM50,000.00. Disebabkan keadaan inilah, PERSADA meminda



perlembagaan dan memasukkan kategori ahli seumur hidup untuk mengurangkan bebanan ahli dan dalam masa yang sama untuk mendidik bayaran sebagai tanggungjawab ahli. Sekiranya, selepas ini didapati keadaan berubah, mungkin PERSADA boleh memikirkan cara lain.

5.11 Tn. Hj. Faidzal Bin Hamzah turut mencadangkan bagi bayaran yuran tahunan boleh dibuat secara 'potongan gaji automatik', cara ini lebih berkesan dan mengurangkan kerja PERSADA untuk mengutip yuran.

5.12 Semua ahli yang hadir bersetuju untuk pihak AJK mengkaji kaedah bayaran secara 'potongan gaji automatik'.

**Tindakan :** Bendahari PERSADA

## **6.0 LAPORAN SETIAUSAHA DAN LAPORAN SETIAP BIRO, TPr MOHD ZAINUDDIN BIN JUMAAT, PERSADA BERAKHIR DISEMBER 2017**

6.1 Tuan Setiausaha telah membuat pelaporan perjalanan aktiviti, program dan mesyuarat AJK sepanjang tahun 2017 seperti mana yang terkandung di dalam Laporan AGM PERSADA 2017 yang diedarkan.

6.2 Tuan Setiausaha juga turut merumuskan aktiviti setiap biro sebagaimana di dalam Laporan AGM PERSADA. Beliau juga turut menegaskan, walaupun terdapat pecahan kerja mengikut biro, tetapi semua aktiviti yang dijalankan PERSADA adalah dijalankan secara kerjasama antara AJK. Bagi organisasi persatuan yang kecil seperti PERSADA ini, pembahagian biro hanya sebagai rujukan asas bagi memudahkan kerja, tetapi perjalanan sebenar kerja adalah secara berpasukan.

6.3 Semua ahli mengambil maklum ke atas pelaporan tersebut.

## **7.0 PEMBENTANGAN LAPORAN KEWANGAN OLEH BENDAHARI PERSADA DAN PENGESAHANNYA**

- 7.1 Puan Bendahari PERSADA membentangkan Kunci Kira-kira PERSADA yang berakhir Disember 2017 berkaitan aset semasa, liabiliti semasa dan jumlah kumpulan aset/wang.
- 7.2 Pada tahun 2017, aset semasa direkodkan sebanyak RM459,529.68, manakala liabiliti semasa bagi butiran bil dan pembayaran belum jelas tidak ada dan keseluruhan jumlah kumpulan aset/wang adalah sebanyak RM414,472.48. Laporan kewangan lengkap seperti di lampirkan.
- 7.3 Dr Rizal Bin Osman telah mencadangkan bagi butiran yang ditunjukkan dalam laporan kewangan berkaitan promosi World Urban Run 2018 perlulah diperincikan.
- 7.4 Encik Muhamad Aizuddin Bin Safiaai telah membuat teguran bagi meminda jumlah kumpulan aset/ wang di dalam penyata kunci kira-kira daripada RM414,472.48 kepada RM414,649.68 kerana terdapat kesalahan semasa penambahan.
- 7.5 Pindaan bagi perkara F(4) dalam penyata pendapatan iaitu dari RM940.05 ditukar ke RM1127.80 dan perkara H(8) dari RM837.00 ditukar ke RM875.15.
- 7.6 Encik Khairil Bin Khalid telah mencadangkan untuk menerima dan mengesahkan Laporan Kewangan PERSADA 2017 ini dengan pindaan seperti perkara di atas dan telah disokong oleh TPr Wan Andery Bin Wan Mahmood.

**Tindakan : Bendahari PERSADA**

## **8.0 PEMBENTANGAN USUL**

- 8.1 Tuan Setiausaha menyatakan sehingga 21 Mac 2018 (sebagaimana tempoh akhir yang ditetapkan di dalam borang usul), pihak PERSADA tidak menerima sebarang usul bertulis daripada mana-mana ahli PERSADA.

8.2 Namun demikian, usul masih boleh diberikan secara lisan mahupun bertulis semasa AGM bersidang.

8.3 **USUL 1** : YBr. TPr Hajah Rokibah Binti Abdul Latif, Ketua Pengarah PLANMalaysia dan Penaung PERSADA

Beliau mencadangkan bagi menjaga kebajikan AJK PERSADA yang selama ini bertungkus lumus memastikan perjalanan persatuan dan program berjalan dengan baik, elaun perbatuan boleh diberikan mengikut tuntutan seperti kelayakan dalam kerajaan terutama AJK yang berada jauh dan terpaksa hadir untuk program dan mesyuarat AJK yang biasanya dijalankan di Lembah Klang ATAU sekiranya perlu, boleh juga dipertimbangkan pemberian elaun secara 'one off' berjumlah RM500 kepada setiap AJK PERSADA. Beliau mencadangkan kemungkinan boleh diberikan salah satu dari cadangan tersebut.

8.4 **Usul 2 Berkaitan Dengan Usul 1** : YBr. Puan Hajjah Kamariah Binti Ibrahim

Beliau berpandangan, dengan komitmen yang diberi AJK PERSADA sebagai tugas tambahan, beliau mencadangkan kemungkinan boleh diberikan elaun perjalanan mengikut tuntutan kelayakan dalam kerajaan dan elaun 'one off'.

8.5 **KEPUTUSAN** : Semua ahli yang hadir bersetuju dengan usul yang diberikan dan diserahkan kepada AJK PERSADA untuk menentukan pemberian elaun perbatuan dan elaun 'one off'.

**Tindakan** : PERSADA

8.6 **USUL 3** : TPr Wan Andery Bin Wan Mahmood

Beliau telah mencadangkan untuk dilihat semula dan dibuat keputusan dalam AGM ini berkaitan ;

- i. Cadangan elaun kritikal bagi Skim Pegawai Perancang Bandar dan Desa perlu dibuat keputusan untuk meneruskannya atau menangguhkan cadangan tersebut;
- ii. Cadangan dari AGM yang lepas berkaitan akaun yang disatukan; dan
- iii. Cadangan pemberian elaun kepada AJK PERSADA.

- 8.7 Tuan Setiausaha memaklumkan, berkenaan dengan cadangan pemberian elaun kritikal, perkara ini telah diangkat bermula dari AJK yang lepas dan kertas cadangan tersebut telah diperkemas dan turut dibentangkan di Majlis Bersama Kebangsaan. Namun demikian, kertas cadangan tersebut telah ditangguhkan dan perlu melalui pihak KPKT dan PLANMalaysia. Seterusnya, KPKT melalui suratnya memaklumkan tafsiran 'kritikal' adalah melibatkan kemalangan/kecederaan fizikal dan memerlukan rekod serta bukti yang jelas. Dalam hal ini, adalah sukar untuk mengumpulkan kes serta bukti berkaitan tafsiran 'kritikal' tersebut, dalam bidang perancang bandar, tafsiran 'kritikal' bukan bersifat kecederaan/kemalangan fizikal tetapi lebih bersifat kepentingan peranan perancang bandar dalam pembangunan negara.
- 8.8 TPr Dr Alias Bin Rameli juga turut menyatakan tafsiran 'kritikal' yang dijelaskan KPKT juga adalah berkaitan dengan kepakaran khusus seseorang bermaksud adakah terdapat kesukaran untuk menggantikan seseorang pegawai tersebut. Perkara ini juga perlu dimasukkan di dalam penambahbaikan kertas cadangan tersebut.
- 8.9 Dr Rizal Bin Osman turut menyatakan kemungkinan boleh menggunakan kes pasukan kajian semasa Kajian RT Cameron Highlands sebagai contoh 'kritikal' yang dimaksudkan kerana waktu tersebut terdapat kes ugutan dari pihak tertentu. Ini juga boleh diklasifikasikan sebagai 'kritikal'.
- 8.10 TPr Hj Hassan Bin Yaakob mencadangkan kertas kerja ini boleh ditambahbaik semula dengan bantuan dari semua pegawai perancang bandar di pelbagai peringkat (PBT, Negeri dan Federal) bagi mengumpul maklumat kritikal yang dimaksudkan.

#### 8.11 KEPUTUSAN :

- i. Semua ahli bersetuju pihak PERSADA, PBT dan PLANMalaysia memperkemaskan kertas kerja elaun kritikal dengan menyediakan data-data yang diperlukan;
- ii. Bersetuju untuk bendahari melihat semula kesesuaian akaun yang disatukan;
- iii. Pemberian elaun kepada AJK PERSADA seperti keputusan di para 8.5 di atas.

#### 9.0 PENUTUP

Mesyuarat telah ditangguhkan pada jam 1.10 tengah hari.

Disediakan ;



(TPr MOHD ZAINUDDIN BIN JUMAAT)

Setiausaha PERSADA 2017/2019

Disahkan ;



(ROZITA BINTI HAMIT)

Presiden PERSADA 2017/2019

**Lampiran :**

**KUNCI KIRA-KIRA  
PERSATUAN PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA MALAYSIA  
PADA 31 DISEMBER 2017**

	<b>2017 (RM)</b>	<b>2016 (RM)</b>
<b>A ASET SEMASA</b>		
Tunai di Tangan	11.15	11.15
Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) - Akaun 1 : 14023010010646	13,969.72	95,287.41
Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) - Akaun 2 : 14023010017671	160,563.41	160,229.47
Bank Malayan Banking Berhad (Maybank) - Akaun 564100008153	4,084.00	4,084.00
<b>Akaun Pelaburan - Sijil Simpanan Tetap (Fixed Deposit)</b>		
Bank Islam Malaysia Berhad - Akaun 1 : 14-023-37-000205-2	88,111.70	85,255.64
Bank Islam Malaysia Berhad - Akaun 2 : 14-023-37-000206-3	147,909.70	143,115.34
Yuran Tahunan Belum Jelas (2013-2017)	44,880.00	13,140.00
<b>Jumlah</b>	<b>459,529.68</b>	<b>501,123.01</b>
<b>B LIABILITI SEMASA</b>		
Bil dan Pembayaran Belum Jelas	-	424.00
<b>JUMLAH ASET BERSIH</b>	<b>459,529.68</b>	<b>500,699.01</b>
<b>EKUITI PEMILIK</b>		
Keuntungan Berkumpul	178,628.28	272,328.03
Kumpulan Wang Simpanan Tetap	236,021.40	228,370.98
<b>C JUMLAH KUMPULAN ASET/ WANG</b>	<b>414,472.48</b>	<b>500,699.01</b>

**PENYATA PENDAPATAN  
PERSATUAN PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

BUTIRAN	2017 (RM)	2016 (RM)
<b>1. PENDAPATAN</b>		
<b>A. Pendapatan Operasi</b>		
1. Yuran Kemasukan	1,880.00	400.00
2. Yuran Tahunan (Tahun Semasa)	1,680.00	1,440.00
3. Yuran Tertunggak/ Terdahulu (Pelbagai Tahun)	4,020.00	1,830.00
4. Sumbangan/Derma	-	412.00
5. Lebihan Pindahan Wang Yuran PERSADA	10.00	-
<b>B. Hasil Aktiviti Menjana Dana</b>		
1. Seminar PERSADA CityTalk	3,371.00	1,000.00
2. Kejohanan Golf PERSADA	-	58,321.30
<b>C. Pendapatan Pelaburan</b>		
1. Hibah	491.19	633.13
2. Faedah dari Simpanan Tetap	8,169.76	8,169.76
<b>D. Lain-Lain Pendapatan</b>	-	-
<b>E. JUMLAH PENDAPATAN</b>	<b>19,621.95</b>	<b>72,206.19</b>
<b>2. PERBELANJAAN</b>	<b>2017</b>	<b>2016</b>
	<b>(RM)</b>	<b>(RM)</b>
<b>F. Perbelanjaan Operasi / Kebajikan</b>		
1. Perbelanjaan Aktiviti PERSADA bersama Ahli	25,456.00	6,254.00
i. AGM PERSADA 2017 – RM10,856.00		
ii. EGM, PERSADA City Talk & PERSADA Berhari Raya (Pakej Mesyuarat & Jamuan) – RM14,250.00		
iii. EGM, PERSADA City Talk & PERSADA Berhari Raya (PA System) – RM300.00		
iv. EGM, PERSADA City Talk & PERSADA Berhari Raya (Bunga Hiasan) – RM50.00		
2. Perbelanjaan Sumbangan Kebajikan	1,050.00	1,400.00
i. Anak Cemerlang (UPSR 2016) – RM100.00 (Nazri bin A.Ghani)		
ii. Anak Cemerlang (UPSR 2016) – RM100.00 (Saifuddin bin Marsuk)		
iii. Anak Cemerlang (SPM 2016) – RM200.00 (Lokman bin Omar)		
iv. Anak Cemerlang (SPM 2016) – RM150.00 (Asmahan binti Abdullah)		
v. Sumbangan Kemasukan Wad (Sarina binti Saad) – RM100.00 *Bayar melalui Tunai Bendahari		
vi. Sumbangan Kemasukan Wad (Haris Freddy bin Ismail) – RM100.00 *Bayar melalui Tunai Bendahari		
vii. Sumbangan Perkahwinan Pertama (Haris Freddy bin		

Ismail) – RM200.00 *Bayar melalui Tunai Bendahari		
viii. SumbanganKelahiran Anak Pertama (Haris Freddy bin Ismail) – RM100.00 *Bayar melalui Tunai Bendahari		
3. Khairat Kematian	-	1,000.00
4. Cenderahati/Hadiah	1,127.80	5,598.80
i. Cenderahati KP (AGM) – RM73.85		
ii. Persaraan Dato' Mohd Zaki – RM260.00		
iii. Persaraan Dato' Dr. Dolbani - RM207.20 *Bayar melalui Tunai Bendahari		
iv. Persaraan Dato' Zainuddin – RM199 *Bayar melalui Tunai Bendahari		
v. Persaraan Pn. Alimah – RM200.00 *Bayar melalui Tunai Bendahari		
vi. Pembelian Fruit Basket untuk Kunjung Hormat kepada Ketua Pengarah PLANMalaysia pada 28/04/17		
5. Derma		-
<b>G. Perbelanjaan Aktiviti</b>		
1. Perbelanjaan Penganjuran Aktiviti	52,590.00	37,870.00
i. KL WUR 2018 (Invois Pertama) – RM50,000.00		
ii. Sukan Rakyat Sempena HPBS 2017 – RM3,000.00 (baki RM410 dipulangkan kepada Tunai Bendahari)		
2. Promosi Aktiviti Pertubuhan	-	-
3. Jamuan/ Keraian	1,311.10	1,130.00
i. Makan Malam AJK PERSADA Bersama KP (RM700.00)		
ii. Jamuan makan tengahari AJK PERSADA Bil. 6/2016 (RM424.00)		
iii. Guest Bill Lawatan Tapak Persiapan Tempat EGM 2017 (RM45.90) *Bayar melalui Tunai Bendahari		
iv. Mesyuarat AJK PERSADA; Starbucks Plaza Masalam (RM141.20) *Bayar melalui Tunai Bendahari		
4. Lain-Lain	-	-
<b>H. Kos Pentadbiran</b>		
1. Elaun, Gaji atau Upah	950.00	-
i. Elaun Pemeriksa Kira-Kira (RM50.00 x 2)		
ii. Elaun petugas/ kerani (RM50.00 x 3 x 2)		
iii. Tuntutan perjalanan AJK (RM550.00) *Bayar melalui Tunai Bendahari		
2. Sewaan	524.00	-
i. Pembaharuan Web Hosting persada.org.my (RM230.00)		
ii. Langganan QR Code (RM294.00)		
3. Utiliti	-	630.00
4. Bekalan Pejabat	46.60	-
i. Sampul surat EGM 2017		
5. Cenderahati Ahli	2,862.00	-
i. 150 unit 30 inci payung lengkap dengan printing 1		



warna logo PERSADA (RM2,862.00)		
6. Elaun AJK Sesi 2015/2017	1,940.00	-
7. Uniform/Baju	-	2,800.00
8. Fotostat	875.15	550.00
i. Laporan AGM 2017 (RM730.00)		
ii. Laporan EGM 2017 (RM107.00) *Bayar melalui Tunai Bendahari		
iii. Cetakan & Binding MoU KL WUR 2018		
9. Setem	398.10	180.00
i. Setem untuk AGM 2017 (RM270.90)		
ii. Setem untuk EGM 2017 (RM127.20) *Bayar melalui Tunai Bendahari		
10. Caj Bank/Lain-lain Caj	38.09	24.49
i. Caj Bank (RM28.09)		
ii. Pindaan Perlembagaan ROS (RM10.00)		
11. Streamer dan tri stand	627.20	630.00
i. Bunting AGM 2017 (RM127.20)		
ii. Bunting EGM 2017 (RM500.00)		
	-	
12. Lain-Lain		100.00
	-	2,999.00
13. Laptop		
14. Honorarium Penceramah	2,539.90	
i. Honorarium & Cenderahati Penceramah PERSADA CITY TALK 17 Mac 2017 (Dato' Ismail Ibrahim) – RM539.90		
ii. Honorarium Penceramah PERSADA CITY TALK 17 Julai 2017 (Syamsul Debat) – RM2,000.00		
<b>I. Lain-Lain Perbelanjaan</b>		
1. Yuran Majlis Bersama Kebangsaan	-	-
2. Fees CPD Point MIP PERSADA CityTalk (17 Mac 2017)	100.00	100.00
3. Yuran Seminar HPBS JPBD Selangor	-	1,500.00
4. Sumbangan Meja Makan MIP Planning Awards	-	3,000.00
5. PERSADA CityTalk 2017		1,252.00
<b>J. JUMLAH PERBELANJAAN</b>	<b>92,435.94</b>	<b>67,018.29</b>
<b>LEBIHAN/KURANGAN PENDAPATAN</b>	<b>-72,813.99</b>	<b>5,187.90</b>

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

### 1. ASAS PERAKAUNAN

Penyata Kewangan **PERSATUAN PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA, MALAYSIA (PERSADA)** disediakan bagi memberi gambaran benar terhadap kedudukan kewangan Persatuan pada 31 Disember 2017, hasil dari operasi dan aliran tunai yang diterima.

### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

Penyata Kewangan yang disediakan merupakan penyata kewangan yang disatukan hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun 2017. Kandungannya, menjelaskan perakaunan bagi semua transaksi berasaskan kos tunai yang diterima dan dibelanjakan (Rujuk Penyata Aliran Tunai).

3. Sumber utama pendapatan PERSADA diperolehi daripada yuran yang dibayar oleh ahli-ahli. Namun demikian, kutipan yuran daripada ahli sering kali tidak diterima sepenuhnya. Sehubungan itu, kutipan yuran dalam penyata kewangan akan dibahagikan kepada beberapa kategori seperti berikut:-
4. **Yuran Tahunan** - Yuran ahli yang dibayar setiap tahun pada permulaan tahun kewangan diambil kira sebagai pendapatan (Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan).
5. **Yuran Tertunggak** - Yuran tahun semasa yang belum diterima daripada ahli-ahli sehingga tahun berakhir dan bagi tahun-tahun sebelumnya. Yuran ini akan dianggap sebagai Pendapatan Tertunggak.
6. **Yuran Terdahulu** - Yuran tahun hadapan yang diterima dalam tahun semasa.
7. Sumber kewangan 2017 turut diperolehi melalui program/aktiviti yang dianjurkan serta melalui faedah pelaburan di bank. Terdapat yuran penyertaan dari program/aktiviti yang telah berlangsung tetapi diterima selepas tahun kewangan dan diambil kira sebagai Pendapatan Tertunggak.
8. Perbelanjaan merupakan wang yang dibayar untuk belanja pengurusan dan pentadbiran PERSADA.

**PENYATA ALIRAN TUNAI**  
**PERSATUAN PEGAWAI PERANCANG BANDAR DAN DESA MALAYSIA**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

Perkara	RM	Perkara	RM
<b>PENDAPATAN</b>		<b>PERBELANJAAN</b>	
<b>Baki Tunai di Tangan pada 1 Januari 2017</b>	<b>11.15</b>	<b>A. MESYUARAT AGUNG PERSADA 2017</b>	
<b>Baki Tunai di Bank pada 1 Januari 2017</b>	<b>259,600.88</b>	1. Pakej Mesyuarat Agung PERSADA Ke-22 (2017) *HE368777	10,856.00
		2. Kos cetakan Laporan Tahunan (100 SET X RM 7.30 = RM 730.00) *HE368770	730.00
1. Kutipan Yuran Ahli Baru	1,880.00	3. Kos setem dan surat panggilan *HE368768	270.90
2. Kutipan Yuran Pelbagai Tahun	4,020.00	4. Elaun petugas/ kerani (RM50.00 x 3 = RM150.00) *HE368768	150.00
3. Kutipan Yuran Tahun 2017	1,680.00	5. Pembekalan Cenderahati 150 Unit Saiz 30 Inchi Payung Lengkap Dengan Printing 1 Warna Logo PERSADA *HE368767	2,862.00
Lebihan pindahan wang yuran PERSADA	10.00	6. Elaun pemeriksa kira-kira kewangan PERSADA 2016 *HE368766	100.00
		7. Fee Proses Permohonan CPD MIP PERSADA CITY TALK 2017 *HE368769	100.00
<b>Hasil Aktiviti Menjana Dana</b>		8. Honorarium/ Cenderahati Penceramah PERSADA CITY TALK 2017 *HE368769	539.90
1. City Talk 2017	3,371.00	9. Cenderahati Ketua Pengarah *HE368774	73.85
		10. Cetakan bunting *HE368773	127.20
<b>Sumbangan</b>	-	<b>Jumlah kecil</b>	<b>15,809.85</b>
<b>Keuntungan Pelaburan</b>		<b>B. MESYUARAT AGUNG KHAS PERSADA 2017 (EGM), PERSADA BERHARI RAYA &amp; CITY TALK</b>	
1. Hibah (A/C 14023010010646)	157.25	1. Pakej Mesyuarat EGM, PERSADA BERHARI RAYA & CITY TALK *HE368780	14,250.00
2. Hibah (A/C 14023010017671)	333.94	2. PA System *HE368784 (HE368781 - TENDANG)	300.00
		3. Cetakan Bunting *HE368784 (HE368781 - TENDANG)	500.00
		4. Elaun petugas/ kerani (RM50.00 x 3 = RM150.00) *HE368783	150.00
		5. Honorarium/ Cenderahati Penceramah PERSADA CITY TALK 2017 *HE368782	2,000.00

Perkara	RM	Perkara	RM
		<b>Jumlah kecil</b>	<b>17,200.00</b>
		<b>C. PENGANJURAN SUKAN RAKYAT SEMPENA HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2017 *HE368787</b>	<b>3,000.00</b>
		1. Pembelian hamper	700.00
		2. Pembelian peralatan (bola: RM20 x 2 = RM40.00)	40.00
		3. Penginapan AJK (Homestay x 2 unit)	650.00
		4. Elaun minyak (RM200.00 x 2 = RM400.00)	400.00
		5. Elaun AJK (RM50.00 x 16 = RM800.00)	800.00
		Jumlah kecil	2,590.00
		Nota: Baki RM410.00 diserahkan untuk Tunai Bendahari	
		<b>D. KUALA LUMPUR WORLD URBAN RUN 2018</b>	
		1. Invois Pertama kepada Syarikat pengurusan Acara; MAQNA MOMENTO VENTURES *HE368786	50,000.00
		<b>Jumlah kecil</b>	<b>50,000.00</b>
		<b>E. SUMBANGAN KEBAJIKAN PERSADA</b>	
		1. Sumbangan Anak Cemerlang (UPSR) TAHUN 2016 - En. Nazri bin A.Ghani *HE368771	100.00
		2. Sumbangan Anak Cemerlang (UPSR) TAHUN 2016 - En. Saifuddin bin Marsuk *HE368772	100.00
		3. Sumbangan Anak Cemerlang (SPM) TAHUN 2016 - En. Lokman bin Omar *HE368775	200.00
		4. Sumbangan Anak Cemerlang (SPM) TAHUN 2016 - Asmahan binti Abdullah *HE368779	150.00
		<b>Jumlah kecil</b>	<b>550.00</b>
		<b>F. PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN</b>	
		1. Pengeluaran Tunai Bendahari (RM1,000.00 x 2) *HE368778 & HE368785	2,000.00
		2. Bayaran Jamuan Makan Tengahari Mesyuarat JK PERSADA Bil. 6/2016 *HE368764	424.00
		3. Makan Malam AJK PERSADA Bersama Ketua Pengarah *HE368770	700.00
		4. Elaun AJK PERSADA Sesi 2015/2017 (RM200 Seorang.	1,940.00

Perkara	RM	Perkara	RM
		Ditolak Tunggakan Yuran Tahunan Masing-Masing) <b>*HE3687776</b>	
		5. Bayaran Pembaharuan Semula Web Hosting PERSADA.ORG.MY <b>*HE368765</b>	230.00
		6. Bayaran langganan QR Code <b>*HE368790</b>	294.00
		7. Cenderahati Persaraan: i. Dato' Mohd Zaki bin Ibrahim (112/91) – RM260.00 <b>*HE368774</b>	260.00
		<b>Jumlah kecil</b>	<b>5,848.00</b>
		<b>G. PERKHIDMATAN</b>	
		Caj Bank	<b>28.09</b>
		<b>JUMLAH A - G</b>	<b>92,435.94</b>
		Tunai di tangan	11.15
		Baki tunai di bank h/b	178,617.13
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>271,064.22</b>	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>271,064.22</b>

Mac 26, 2018

**BAKI TUNAI DI BANK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

<b>Bil</b>	<b>Jenis Simpanan</b>	<b>Tahun 2017 (RM)</b>	<b>Tahun 2016 (RM)</b>
<b>Akaun Simpanan</b>			
1.	Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) - Akaun Persatuan Pegawai Perancang Bandar & Desa Malaysia (No. A/C: 14023010010646)	13,969.72 (-81,317.69)	95,287.41
2.	Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) - Akaun Tetuan Urusetia Seminar PPBD (No. A/C: 14023010017671)	160,563.41 (333.93)	160,229.47
3.	Bank Malayan Banking Berhad (Maybank) - Akaun Persatuan Pegawai Perancang Bandar & Desa Malaysia (No. A/C: 564100008153)	4,084.00	4,084.00
4.	<b>Jumlah Baki Simpanan Tunai</b>	178,617.13 (-80,983.75)	<b>259,600.88</b>
<b>Akaun Pelaburan - Sijil Simpanan Tetap (Fixed Deposit)</b>			
5.	Bank Islam Malaysia Berhad - Akaun 1 : 14-023-37-000205-2	88,111.70 (2,856.06)	85,255.64
6.	Bank Islam Malaysia Berhad - Akaun 2 : 14-023-37-000206-3	147,909.70 (4,794.35)	143,115.34
	<b>Jumlah Baki Simpanan Tetap</b>	<b>236,021.40 (7,650.42)</b>	<b>228,370.98</b>
	<b>Jumlah Keseluruhan Simpanan</b>	<b>414,638.53 (-73,333.33)</b>	<b>487,971.86</b>